

Oleh Jami'ah Shukri  
jamia@bharian.com.my

# Badi kahwin ikut negeri

**R**OHANI dan Aziz, pasangan kekasih sama cantik dan sama padan. Keserasian mereka memang terserlah dan sesiapa yang melihat, tidak dapat tidak pasti berasa kagum atau cemburu melihat mereka. Selepas bercinta hampir empat tahun, Aziz yang berasal dari Pahang mengambil keputusan untuk berkahwin dan suatu hari membawa Rohani bertemu kedua ibu bapanya.

Sebaik saja diperkenalkan, kedua orang tuanya begitu gembira dan sangat berkenaan kerana melihat kecantikan paras rupa Rohani, selain senang hati bakal bermenantukan seorang wanita yang penuh sopan santun, berbudi bahasa dan begitu menghormati orang tua.

Pendek kata, tiada cacat cela Rohani. Tetapi, segala-galanya berubah, sebaik saja mereka mengetahui Rohani, orang Negeri Sembilan. Hilang terus kecantikan paras rupa, kehalusan budi bahasa sebaliknya timbul rasa takut. Aziz didebak memutuskan hubungan dengan Rohani.

Trauma menyelubungi pe-



ANTARA peralatan tradisi yang masih digunakan pengamal Adat Perpatih.

rasaan ibu bapa Aziz garagara banyak mendengar cerita negatif mengenai orang Negeri Sembilan. Terlalu kuat mengamalkan Adat Perpatih, yang kononnya akan membolot harta benda lelaki (suami).

Kisah cinta tidak kesampaian Rohani dan Aziz, bukan perkara luar biasa dan sehingga kini, dalam dunia serba moden, masih ada lagi masyarakat yang mempunyai tanggapan begini.

Ada yang terlalu fanatic dan mempunyai persepsi negatif mengenai asal pasangan dari negeri tertentu. Sering kali, ada ibu bapa yang bukan saja takut bermenantukan orang Negeri Sembilan,

malah negeri lain juga, khususnya Kelantan, Kedah, Johor, Sarawak atau Sabah.

Jika anak lelaki berkahwin dengan orang Negeri Sembilan dikhawatir semua harta dibolot menantu perempuannya, selain bersifat pengikis dan *queen control* seperti asyik ingin pulang ke kampungnya saja berbanding kampung suaminya.

Ada yang takut bermenantukan orang Johor kerana hantaran yang begitu tinggi iaitu serba berdiri, bermakna dari persalinan dan kelengkapan dari hujung rambut hingga ke hujung kaki perlu disediakan, termasuk rantai, gelang dan cincin emas. Malah, jika mahu berkahwin dengan wanita Johor, katanya, hantaran sama perlu diberi kepada adik-beradik lebih tua yang masih bujang sebagai bayaran 'langkah bendul' (berkahwin dulu sebelum adik-beradik yang lebih tua).

Berkahwin orang Kedah, hantaran dan mas kahwin juga tinggi manakala jika berkahwin wanita Sarawak, ceritanya, perlu menyediakan perbelanjaan tinggi, mengikut besar kediannya. Jika rumahnya ada lapan tiang, bermakna perlu

menyediakan lapan lembu atau kerbau.

Akibat persepsi yang kuat dipegang ibu bapa ini, banyak saja perkahwinan yang dirancang tidak berlangsung dan lebih teruk, rumah tangga yang dilayari tidak direstui, perjalanan tidak selancar yang diidamkan, ada saja yang tidak kena dengan menantu hingga akhirnya berakhir dengan perceraian.

Ketua Jabatan Pembangunan Manusia dan Pengajian Keluarga, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Rumaya Juhari, berpendapat setakat ini tidak ada kajian yang sahih mengenai persepsi masyarakat yang bersifat kenegerian dalam perkahwinan.

Katanya, mungkin persepsi itu wujud apabila melihat pengalaman buruk orang lain bermenantukan wanita dari negeri tertentu.

Hakikatnya, kata Rumaya, pengalaman itu kes terpencil dan tidak adil apabila semua wanita dari negeri terbabit dikatakan bersikap buruk seperti yang digemburkan. Sebenarnya, ia bergantung kepada keperibadian seseorang, jika memang mempunyai sifat terpuji,



**“**Hantaran adalah mas kahwin dan pemberian hanyalah senaskah al-Quran, dengan niat yang suci, tetapi kerana adat... ooops no komen”

**Abdul Rashid**

**“**Dari mana asal bukan kunci kebahagiaan. Sekarang, konsep suami dan isteri kena saling sokong dan bekerjasama antara satu sama lain terutama sekarang, taraf hidup dan semakin tinggi”

**S Salehuddin**

**“**Memang dulu pernah dengar orang cakap macam tu. Sekarang tak tahu. Rasanya tak macam kita, orang zaman sekarang ini macam dah tak kisah bakal pasangan asal dari mana. Kalau suka, kahwin saja”

**Adzam Khodzin**

**“**Setinggi-tinggi hantaran di Johor pun, tak sampai mencecah tahap nak jual anak. Cuma, memang kenduri dibuat secara besar-besaran”

**MB**

**“**'Benson & Hedges'  
- Bila Ekau Nikah  
Samo Orang  
Nogori Harta  
Ekau dan Gaji  
Ekau Solosai!”

**Azmi Abdul Latiff**

**“**Jangan menilai buku berdasarkan kulitnya! Begitu juga dalam bab mencari jodoh. Tidak semua orang Negeri Sembilan, Johor atau Sarawak, mata duitan. Jangan terlalu terpengaruh dengan cakap-cakap orang atau kisah dalam filem atau drama”

**Zubaidah Zabidi**

hasilnya juga baik tidak kira dari mana asal-usul mereka.

"Sebagai contoh, ramai beranggapan wanita Negeri Sembilan suka bolot harta. Itu tanggapan yang salah. Negeri Sembilan memang kuat berpegang kepada Adat Perpatih yang memihak kepada wanita, iaitu dari segi pemberian harta pusaka.

"Tujuan itu adalah menjaga kebijakan serta maruah wanita dan masyarakat perlu memahami maksud adat itu. Adat itu tidak menindas pihak lelaki.

"Namun, persepsi negatif itu yang membayangi seseorang orang tua sehingga melarang anak teruna berkahwin dengan perempuan dari negeri itu. Saya berpendapat zaman ini sudah berubah, persepsi itu tidak begitu kuat, yang penting ada persefahaman antara pasangan," katanya sambil menambah kebanyakan ibu bapa zaman dulu lebih suka anak mereka berkahwin dengan orang yang tinggal berdekatan dengan mereka.

Masyarakat zaman dulu juga tidak begitu terdedah serta bercampur dengan orang luar berbanding sekarang, yang mana ramai anak muda berhijrah dari kampung ke bandar untuk mencari pekerjaan sekali gus membuka lebih peluang kepada mereka untuk bertemu pasangan hidup yang berasal

"Bila hubungan semakin rapat dan serasi mereka mengambil keputusan untuk berkahwin tanpa memikirkan asal dari negeri mana. Tetapi kemudian dihalang apabila membawa pasangannya berjumpa ibu bapa terutama apabila ada antara keluarga yang gagal dalam perkahwinan atau mempunyai pengalaman buruk berkahwin dengan orang dari negeri terabit.

"Kalau pun berkahwin, jika ada masalah dalam rumah tangga, perkara negeri akan dibangkitkan dan mulalah berkata ini bala atau badi berkahwin dari negeri itu," katanya.

Kata Rumaya, bahagia atau gagal sebuah perkahwinan bukan disebabkan isu negeri tetapi pasangan itu sendiri dan ibu bapa juga tidak boleh terlalu tamakkan kasih sayang anak sehingga menjelaskan perkahwinan anak.

Apa yang penting, memilih pasangan dan membina perkahwinan tidak boleh dilakukan secara terburu-buru.

Cari pasangan yang bertanggungjawab, jujur, penyayang dan bagi umat Islam, ikut sunnah Islam yang menetapkan empat perkara utama iaitu dari segi harta, keturunan, kecantikan serta agama pasangan supaya bahtera perkahwinan lebih diberkati serta tidak mudah berpisah.



**“Adat itu bertujuan menjaga kebijakan serta maruah wanita dan masyarakat perlu memahami maksud adat itu. Ia tidak menindas pihak lelaki”**

**Prof Madya Dr Rumaya Juhari**

Ketua Jabatan  
Pembangunan Manusia dan Pengajian Keluarga, Fakulti  
Sains Maruzia, UPM

## INFO

### Kriteria memilih pasangan hidup

#### Jujur dan setia

Pilih pasangan yang jujur dalam sebarang tindakan. Pasangan yang saling setia dan mencintai lebih kekal. Cinta adalah dasar dalam ikatan hubungan suami isteri.

#### Penampilan menarik

Menarik tidak harus selalu cantik dan seksi (wanita) dan kacak (lelaki), memadai yang sedap mata memandang.

#### Taat pada agama

Ciri penting sebagai pembimbing untuk masa depan keluarga dan anak. Carilah pasangan yang soleh (lelaki) dan solehah (isteri).

#### Pandai atau pintar

Ia penting sebagai peneraju dalam mengurus rumah tangga dalam pelbagai aspek terutama mendidik anak dan kedudukan kewangan.



#### Tidak materialistik

Pilih pasangan yang mempunyai sifat kesederhanaan dan bukan pengikis.

#### Tidak emosional

Murah senyum, lemah lembut, tidak suka marah dan tidak mudah tertekan ketika berhadapan dengan apa juga masalah, sama ada urusan rumah tangga atau kerja.

#### Sihat termasuk aspek jasmani dan rohani

Pilih yang sihat, cerah, kuat dan bukan mudah dijangkiti penyakit serta subur untuk memberikan keturunan.

#### Mudah dikawal

#### Persetujuan ibu bapa dan keluarga

Restu daripada ibu bapa penting untuk keberkatan hidup berumah tangga.